**_Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam_**
Cawangan Negeri Selangor
Alamat d/a Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 19,
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS), 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447000 Laman Web: puspanita.selangor.gov.my

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ruj. Kami: PNT.Sel.SEKRT.100-1/1/1 (1)
Tarikh : 2 Februari 2023

*Edaran Kepada:*

Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah / Tanah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar Majlis Bandaraya / Yang Dipertua Majlis Perbandaran / Daerah, Negeri Selangor

Semua Setiausaha Bahagian / Timbalan Pengarah / Ketua Penolong Setiausaha, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Pengerusi / Timbalan Pengerusi,
PUSPANITA Daerah, Negeri Selangor

Ahli-ahli PUSPANITA Negeri Selangor

YB. Dato' / YBhg. Dato' / YAA Dato' / SS Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan,

**NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-39 TAHUN 2023 PUSPANITA NEGERI SELANGOR**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Negeri Selangor akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39 Tahun 2023 pada ketetapan berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **3 Mac 2023 (Jumaat)** |
| **Masa** | : | **8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari** |
| **Tempat** | : | **Auditorium,<br>Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam** |
| **Pakaian** | : | **Seragam PUSPANITA / Ungu** |

...2/-

**NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-39 TAHUN 2023 PUSPANITA NEGERI SELANGOR**

3. Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan ini akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku Penasihat PUSPANITA Negeri Selangor.

4. Sehubungan itu, sukacita dijemput ahli-ahli PUSPANITA di jabatan YB. Dato' / YBhg. Dato' / YAA Dato' / SS Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan berdasarkan bilangan seperti berikut :

4.1 5 – 10 orang wakil dari Jabatan Negeri/Wilayah Persekutuan

4.2 10 – 20 orang wakil dari cawangan PUSPANITA Daerah (yang telah dipilih semasa Mesyuarat Agung Daerah masing-masing)

5. Bersama-sama ini dilampirkan jua perkara berikut untuk tindakan dan perhatian semua:

a. **Lampiran 1 : Atur Cara Perasmian Mesyuarat Agung Kali Ke-39**
b. **Lampiran 2 : Borang Pengesahan Kehadiran**
c. **Lampiran 3 : Borang Usul**

Seperti mana dinyatakan dalam Perlembagaan PUSPANITA, kerjasama setiap Cawangan Kecil Daerah untuk mengemukakan **Lampiran 2** (Sub-Fasa 7.1.4) dan **Lampiran 3** (Sub-Fasal 7.1.7 dan 7.1.8) kepada urusetia selewat-lewatnya pada atau **sebelum/pada 24 Februari 2023 (Jumaat).** Untuk makluman, pada tahun ini tiada sesi pemilihan Ahli-ahli Jawatankuasa Induk akan diadakan.

6. Laporan Tahunan 2022 dan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-38 Tahun 2022 akan dimuatnaik *(upload)* melalui laman web PUSPANITA Negeri Selangor di http://puspanita.selangor.gov.my dan boleh dimuat turun oleh semua ahli PUSPANITA mulai 1 Mac 2023 (Rabu).

7. Ahli-ahli Jawatankuasa yang bertugas dan ahli-ahli PUSPANITA yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan akan diberi surat Cuti Tidak Berekod Mengikut Perintah Am 42 (a) Bab C. Namun begitu, ahli-ahli perlu **mendapatkan kebenaran** terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan masing-masing.

3/-

**NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-39 TAHUN 2023**
**PUSPANITA NEGERI SELANGOR**

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila dikemukakan kepada :

| | |
|---|---|
| Nama Pegawai | : Puan Zaimah binti Ab Razak |
| Nombor Telefon | : 03-5544 7945 / 019-359 8626 |
| Alamat emel | : zaimah@selangor.gov.my |

| | |
|---|---|
| Nama Pegawai | : Puan Suhana binti Surani |
| Nombor Telefon | : 011-1100 1761 |
| Alamat emel | : suhana@ros.gov.my |

Kerjasama dan jasabaik YB. Dato' / YBhg. Dato' / YAA Dato' / SS Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan dalam memberi perhatian terhadap perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

***"Wanita Sepakat Negara Meningkat"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(FARA MAZWINA BINTI AHMAD FAROK)** A.M.S.
Setiausaha
PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor
b.p. Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

**Salinan kepada:**

YBhg. Datin Padiah binti Safian
Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

YBrs. Puan Syarmila binti Yahaya
Timbalan Pengerusi I, PUSPANITA Negeri Selangor

Ybhg. Datin Rosmayuzi binti Musa
Timbalan Pengerusi II, PUSPANITA Negeri Selangor

YBrs. Puan Dr. Siti Rohana binti Haji Saad
Timbalan Pengerusi III, PUSPANITA Negeri Selangor

Ahli-ahli Jawatankuasa PUSPANITA Negeri Selangor Sesi 2022/2024

Fail

**LAMPIRAN 1**

# ATUR CARA

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-39 TAHUN 2023
## PUSPANITA NEGERI SELANGOR

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | **:** | **3 Mac 2023 (Jumaat)** |
| **Masa** | **:** | **8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari** |
| **Tempat** | **:** | **Auditorium,**<br>**Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam** |

| | |
|---|---|
| 7.30 pagi | : Ketibaan ahli-ahli PUSPANITA Negeri Selangor |
| 8.00 pagi | : Pendaftaran ahli |
| | : Sarapan Pagi |
| | : Ahli-Ahli PUSPANITA mengambil tempat di dalam Auditorium |
| | : Ketibaan Ketua-Ketua Jabatan/Dif-dif Jemputan |
| | : Ketibaan Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor |
| 8.20 pagi | : Ketibaan Jemputan Khas<br>• YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Merangkap Penasihat PUSPANITA Negeri Selangor<br>• (TETAMU JEMPUTAN KHAS) |
| | : Persembahan Lagu-Lagu Rasmi oleh Kumpulan Koir |
| | : Bacaan Doa |
| | : Ucapan Alu-aluan oleh YBhg. Datin Padiah binti Safian, Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor |
| | : Ucapan Perasmian oleh YB. Dato' Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkap |

Penasihat PUSPANITA Negeri Selangor

: Penyampaian Geran Tahunan kepada PUSPANITA Daerah oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

: Penyampaian cenderamata kepada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

: Persembahan Selingan

10.30 pagi : Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-39 Tahun 2023 dimulakan

: Makan Tengahari

: Bersurai

**LAMPIRAN 2**

# BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN

**PROGRAM : MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-39 TAHUN 2023 PUSPANITA NEGERI SELANGOR**

**TARIKH : 3 MAC 2023 (JUMAAT)**

**MASA : 8.00 PAGI – 12.30 TENGAHARI**

**TEMPAT : AUDITORIUM, DEWAN JUBLI PERAK SULTAN ABDUL AZIZ, SHAH ALAM**

---

**Setiasusaha,**
PUSPANITA Negeri Selangor,

Puan,

Berikut adalah senarai kehadiran Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Negeri Selangor iaitu:

Biro: ____________________________________________

| BIL. | NAMA | JABATAN | JAWATAN / GRED |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

2. Sehubungan itu, saya **meluluskan / tidak meluluskan** ** untuk **pelepasan (pengecualian) bertugas / cuti tanpa rekod** ** bagi senarai nama pegawai / kakitangan seperti di atas untuk mesyuarat tersebut.

Saya yang menjalankan amanah,

............................................................
(Tandatangan , Nama & Cap Ketua Jabatan)

**Tarikh:**

** ***Sila Potong Yang Berkenaan***
Sila **Sahkan Kehadiran** sebelum atau pada **24 Februari 2023 (Jumaat)** kepada:
- Pn Suhana – E-Mel: suhana@ros.gov.my
- Pn Zaimah – Emel: zaimah@selangor.gov.my

**LAMPIRAN 3**

# BORANG USUL

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-39 TAHUN 2023
## PUSPANITA NEGERI SELANGOR

Kepada:

**Setiausaha**
**PUSPANITA Negeri Selangor**
d/a: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Urusetia Majlis Tindakan Ekonomi Selangor
Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS
**40503 Shah Alam**

**JABATAN / DAERAH:** ______________________________

| Dicadang oleh: | Disokong oleh: |
|---|---|
| ..................................................<br>(tandatangan)<br><br>Nama:..........................................<br><br>Jawatan: ...................................... | ..................................................<br>(tandatangan)<br><br>Nama: ..........................................<br><br>Jawatan: ...................................... |

**Nota:**
1. Borang cadangan / usul yang tidak lengkap akan ditolak (tidak diterima).
2. Ahli hendaklah mengemukakan salinan kad keahlian / resit sekiranya ada.
3. Borang usul juga boleh dihantar melalui pautan kod QR diatas

*Sila gunakan kertas tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi.

*Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam*
Cawangan Negeri Selangor
Alamat : d/a Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 19,
Bangunan SAAS, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-55447000 Laman Web: puspanita.selangor.gov.my

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ruj. Kami: PNT.SEL. SEKRT.100-1/1/1 Jld. 1 (2)
Tarikh : 2 Februari 2023

**KETUA JABATAN**

______________________________

______________________________

______________________________

YB./YAD./YBhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

**PERMOHONAN CUTI TANPA REKOD MENGIKUT PERINTAH AM 42 (A) BAB C BAGI MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-39 TAHUN 2023 PUSPANITA NEGERI SELANGOR**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa PUSPANITA Negeri Selangor akan mengadakan **Mesyuarat Agung Tahunan Ke-39 Tahun 2022** pada butiran seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | **3 Mac 2023 (Jumaat)** |
| Masa | : | **8.00 pagi-12.30 petang** |
| Tempat | : | **Auditorium**<br>**Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam** |

3. Sehubungan itu, saya bagi pihak PUSPANITA Negeri Selangor memohon jasabaik YB. / YAD. / YBhg. Dato' Setia / Dato ' /Datin Paduka / Tuan/ Puan supaya dapat memberi kelulusan Cuti Tanpa Rekod (CTR) selama satu (1) hari kepada Pegawai/Kakitangan bernama ................................................................................ bagi membolehkan ahli menghadiri mesyuarat tersebut. Penglibatan ahli PUSPANITA tersebut boleh dikira sebagai menghadiri **kursus satu hari** dan boleh dicatatkan dalam buku perkhidmatan. Bersama-sama ini juga dilampirkan dokumen yang berkenaan untuk rujukan.

4. Segala kerjasama dan pertimbangan pihak YB. Dato' / YBhg. Dato' / YAA Dato' / SS Dato' / YBrs. Dr. / Tuan / Puan amatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

Sekian, terima kasih.

*"Wanita Sepakat Negara Meningkat"*

Saya yang menjalankan amanah,

**(FARA MAZWINA BINTI AHMAD FAROK)** A.M.S.
Setiausaha
PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor
b.p. Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

**Salinan kepada:**

YBhg. Datin Padiah binti Safian
Pengerusi PUSPANITA Negeri Selangor

YBrs. Puan Syarmila binti Yahaya
Timbalan Pengerusi I, PUSPANITA Negeri Selangor

Ybhg. Datin Rosmayuzi binti Musa
Timbalan Pengerusi II, PUSPANITA Negeri Selangor

YBrs. Puan Dr. Siti Rohana binti Haji Saad
Timbalan Pengerusi III, PUSPANITA Negeri Selangor